

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
BERSEMPENA DENGAN MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYMM  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG PADA 3 JULAI 2004 DI  
HOTEL PUTRA PALACE.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA.

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG, TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL DAN

DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG, TUANKU FAUZIAH BINTI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RASHID,

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DI AMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KERJA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG BERDUA, MENCEMAR DULI BERANGKAT KE UPACARA MAJLIS SANTAPAN MALAM INI YANG JULUNG-JULUNG KALI DIADAKAN OLEH KUKUM.

AMPUN TUANKU,

PATIK JUGA INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG PENUH KASIH KEPADA DYMM TUANKU CANSELOR, TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL DAN DYTEM RAJA PUAN MUDA PERLIS, TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS SANTAPAN MALAM INI.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI

YANG BERHORMAT  
DATO' DR. MOHD SHAFIE SALLEH  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI DAN YANG BERBAHAGIA DATIN

YANG BERHORMAT  
DATO' AZMI KHALID  
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

YANG BERHORMAT  
TUAN HAJI SULAIMAN SHAFIE,  
SPEAKER DUN NEGERI PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI

YANG BERHORMAT  
TUAN HAJI ABU HASSAN SALLEH  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI

YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR DATO' SERI IBRAHIM ABU SHAH  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

YANG BERHORMAT EXCO-EXCO KERAJAAN NEGERI PERLIS

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS

YANG BERBAHAGIA AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM DAN ISTERI

TAN SRI-TANSRI, PUAN SRI-PUAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN, DIF-DIF  
KEHORMAT, KETUA-KETUA JABATAN NEGERI PERLIS

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN KUKUM

WAKIL-WAKIL MEDIA

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANAHU WA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI MALAM YANG PENUH BERMAKNA KEPADA SEJARAH PENUBUHAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INI. SUDAH LAMA RASANYA KAMI DI KUKUM INI TERNANTI-NANTI MAJLIS SEUMPAMA INI. IBARAT SEPERTI BAIT-BAIT PANTUN INI:

BUNGA MELUR KEMBANG SEKAKI  
MARI DIBUNGKUS DENGAN KERTAS  
DIDALAM TELUR LAGI DI NANTI  
INIKAN PULA SUDAH MENETAS

SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN TETAMU SERTA DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR KE MAJLIS SANTAPAN MALAM INI TERUTAMA KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA, MENTERI BESAR PERLIS, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI DAN YANG BERHORMAT MENTERI PENGAJIAN TINGGI, DATUK DR. SHAFIE SALLEH DAN YANG BERHORMAT DATIN. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN TAN SRI-TAN SRI, PUAN SRI-PUAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA PASTI AKAN MENYERI DAN MEMERIAHKAN LAGI MAJLIS KAMI PADA MALAM INI. TIDAK TERLAMBAT KIRANYA BAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DATUK DR. SHAFIE SALLEH DI ATAS PERLANTIKAN SEBAGAI MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA. KUKUM AKAN SENTIASA MEMBERI SOKONGAN YANG PADU DALAM MEREALISASIKAN MISI SERTA VISI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI.

JUTAAN TERIMA KASIH, SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG KERANA TELAH BEKERJA KERAS DAN BERTUNGKUS LUMUS DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI. PENGORBANAN DAN USAHA GIGIH ANDA SEMUA AMAT SAYA HARGAI.

MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG INI DIADAKAN BAGI TUJUAN MERAIKAN DAN MENJUNJUNG KASIH DI ATAS PERLANTIKAN DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL SEBAGAI CANSELOR KUKUM OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG. ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKEYEN KOMEMORATIF ITU NANTI AKAN DIADAKAN PADA 17HB JULAI DI DALAM SUASANA PENUH ADAT ISTIADAT MENGIKUT TRADISI UNIVERSITI –UNIVERSITI TERBILANG LAGI TERSOHOR.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

MERENUNG SEJENAK SEJARAH PENUBUHAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INI, IA TELAH DITUBUHKAN SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE-17 SETELAH DILULUSKAN OLEH KABINET PADA 25 JULAI 2001. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI DAN MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA, SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS.

AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM, PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN KAKITANGAN BERMULA SELEPAS PERLANTIKAN REKTOR DAN TIMBALAN REKTOR PADA 16 FEBRUARI 2002. PADA 2 MEI 2002 KUKUM MULA BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI KUBANG GAJAH, ARAU, PERLIS DAN TELAH MENERIMA PELAJAR SULUNG BAGI SESI AKADEMIK 2002/2003 SERAMAI 110 ORANG PADA 20 JUN 2002.

PEMBELAJARAN YANG DILAKSANAKAN ADALAH SECARA 'HANDS-ON' BAGI MENGHASILKAN JURUTERA YANG BERKEBOLEHAN DALAM MEREKABENTUK, MEMBUAT PERALATAN, MENGUJI DAN MENYELENGGARA SERTA MENGAPLIKASI SEBARANG KONSEP TEORI. PROGRAM AKADEMIK KUKUM ADALAH BERASASKAN 60% PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL DAN 40% DALAM BENTUK PENGAJARAN TEORI.

KUKUM KINI BEROPERASI DI BANGUNAN KWSP YANG MENEMPATKAN JABATAN CANSELORI, JABATAN PENDAFTAR, JABATAN BENDAHARI DAN PERPUSTAKAAN SERTA MAKMAL. DI TAMAN JKKK, KUBANG GAJAH, ARAU MENEMPATKAN BANGUNAN PENTADBIRAN, PUSAT-PUSAT PENGAJIAN, BILIK KULIAH, MAKMAL, PUSAT ICT DAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, MANAKALA DI TAMAN AMAN, KANGAR DAN KAMPUNG WAI, KUALA PERLIS PULA MENEMPAKAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR. DI KUALA PERLIS JUGA TERDAPAT PUSAT KEJURUTERAAN DAN PUSAT KERJASAMA INDUSTRI (CIC). BAGI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN PULA KUKUM BEROPERASI SEPENUHNYA DI JEJAWI.

MEMANDANGKAN KAMPUS TETAP KUKUM AKAN HANYA SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 2010, KUKUM TERPAKSA BEROPERASI DI SERATA LOKASI DI NEGERI PERLIS INI. KONSEP KAMPUS YANG BERSIFAT BERTABURAN ATAU 'DISTRIBUTED CAMPUS' INI MUNGKIN MASIH BARU DI MALAYSIA TETAPI IA TELAH LAMA DIPRAKTIKAN DI UNIVERSITI TERKENAL LUAR NEGARA SEPERTI DI UNIVERSITI CAMBRIDGE, ENGLAND.

KONSEP SEBEGINI MEMBERI KELEBIHAN KEPADA PARA PELAJAR UNTUK LEBIH BERINTERAKSI DENGAN PENDUDUK SETEMPAT SELAIN MENDEDAHKAN MEREKA KEPADA PERSEKITARAN DAN ISU-ISU DOMESTIK. JIKA KITA LIHAT KONSEP BERTABURAN INI MEMBERI BEBERAPA KELEBIHAN.

ANTARA LAIN IA MERUPAKAN SATU MEDAN LATIHAN BUAT PARA PELAJAR INI MEMANTAPKAN ASAS PERGAULAN DAN MEMBINA RANGKAIAN KENALAN, MELUASKAN PENGETAHUAN SERTA FAHAMAN MEREKA TENTANG BAHASA DAN BUDAYA DI SEKELILING MEREKA, MENYUNTIK ELEMEN SOSIAL DAN SEMANGAT UKHUWAH DENGAN TANPA DISEDARI. SELAIN DARI ITU IA JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBANTU MENINGKATKAN TAHAP SOSIO –EKONOMI NEGERI PERLIS DAN INDIVIDU DENGAN PENYEWAAN BANGUNAN SERTA RUMAH-RUMAH SEWA DI LOKASI YANG BERDEKATAN DENGAN KAMPUS KUKUM INI.

WALAUPUN WACANA KONSEP ‘DISTRIBUTED CAMPUS’ SERING DI ANGGAP KEKANGAN LITERASI UNTUK EFISIENSI PERHUBUNGAN NAMUN ITU TIDAK MENJADI MASALAH. KUKUM TELAH MEMBANGUNKAN PRASARANA ICT KE TAHAP MAKSIMA DAN RANGKAIAN PERHUBUNGAN ANTARA SATU KAMPUS DENGAN KAMPUS YANG LAIN, ANTARA SATU JABATAN DENGAN JABATAN LAIN, ANTARA KAKITANGAN DENGAN KAKITANGAN MAHUPUN ANTARA PENSYARAH DENGAN PELAJAR. IA BUKAN SAHAJA DAPAT MENGATASI MASALAH KOMUNIKASI MALAH MENJIMATKAN MASA PERGERAKAN DAN MELICINKAN PERJALANAN PENTADBIRAN.

KUKUM BUKAN SAHAJA MAHU MELAHIRKAN PARA PELAJAR YANG CEMERLANG DARI SEGI AKADEMIK TETAPI JUGA CEMERLANG DARI SEGI SAHSIAH, KEPERIBADIAN SERTA MORAL. IA SELARAS DENGAN MISI KUKUM YANG MAHU MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA DAN MENYUMBANG KEPADA KETAMADUNAN DUNIA SERTA VISINYA MENJADI INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN YANG BERTARAF DUNIA BAGI MENJANA PEMIMPIN TERBILANG NEGARA. INSYALLAH CITA-CITA DAN HASRAT TERSEBUT AKAN TERCAPAI.

SAYA PERCAYA DENGAN BERKAT ILTIZAM, SEMANGAT DAN KERJA KERAS WARGA KERJA KUKUM YANG BERPEGANG TEGUH KEPADA MOTONYA IAITU ‘ILMU, KEIKHLASAN DAN KECEMERLANGAN’ TIDAK MENJADI BEKAS ANDAI KAMI BERUMAH DI TEPI PANTAI. BAIK OMBAK MAHUPUN BADAI YANG DATANG MENGGANAS KAMI TETAP BERTAPAK TEGUH DI SINI.

ILMU MENJADI PENERAJU AMAL YANG DIAMANAHKAN OLEH TUHAN MANAKALA KEIKHLASAN KEPADANYA MENDASARI PENEROKAAN ILMU.

KECEMERLANGAN AKAN LAHIR DENGAN SENDIRINYA SEKIRANYA ILMU DAN KEIKHLASAN DIHAYATI SERTA DIAMALKAN DENGAN SEWAJARNYA. SAYA BERHARAP SEGALA HASIL YANG DIJANA OLEH KUKUM DAPAT DIMANFAATKAN OLEH NEGARA DAN DUNIA DAN SEGALA PEKERJAAN YANG MENDUKUNG USAHA UNTUK MENCAPAI CITA-CITA KUKUM DILAKUKAN ATAS DASAR BERIBADAH KEPADA ALLAH SEMATA-MATA.

ORANG YANG IKHLAS MELAKUKAN TUGAS DENGAN TIDAK MENGHARAPKAN APA JUA IMBUHAN MELAINKAN KESEMPURNAAN KERJA YANG DILAKSANAKAN. ORANG INI MELAKUKAN TUGAS BUKAN KERANA TERPAKSA TETAPI DIDORONG OLEH RASA TANGGUNG JAWAB KEPADA TUHAN DAN JUGA KERANA INGIN Mencari KEPUASAN DIRI MELALUI KERJA.

JUSTERU ITU APABILA ILMU DAN KEIKHLASAN INI DIGABUNGAN MAKA DENGAN SENDIRINYA IA AKAN MELAHIRKAN KECEMERLANGAN. HATTA IA JUGA SELARAS DENGAN IDENTITI DAN BUDAYA KERJA KUKUM YANG BERTUNJANGKAN KEPADA AKAR 'IKHLAS, TELUS, CEPAT, TEPAT, PROAKTIF DAN BERPASUKAN'.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

UNTUK MAKLUMAN SEMUA SEHINGGA KINI KUKUM MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR SERAMAI 1321 ORANG PELAJAR IAITU 110 ORANG PELAJAR TAHUN TIGA (PENGAMBILAN PERTAMA), 585 ORANG PELAJAR TAHUN DUA DAN SERAMAI 626 ORANG PELAJAR BAGI TAHUN SATU YANG MENDAFTAR PADA 13 JUN YANG LALU.

SISTEM PEMBELAJARAN KUKUM YANG MENITIKBERATKAN 'LAB INTENSIVE' IAITU DENGAN MEMBERI LEBIH PENEKANAN KEPADA ASPEK AMALI. SEHINGGA KINI KUKUM MEMPUNYAI 15 BUAH MAKMAL YANG TELAH BEROPERASI SEPENUHNYA. MAKMAL-MAKMAL INI TERDAPAT DI SERATA KAMPUS DAN SEBANYAK 30 BUAH MAKMAL LAGI MASIH DI DALAM PERINGKAT PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBINAAN. KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN JUGA MENYATUKAN TEORI DENGAN AMALI MENGIKUT KEPERLUAN INDUSTRI. SEMASA MENGIKUTI PROGRAM AKADEMIK, PELAJAR JUGA AKAN DIBEKALKAN DENGAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI, KEUSAHAWANAN, PENGURUSAN, PERAKAUNAN, KOKURIKULUM DAN PEMBAGUNAN SAHSIAH DIRI.

PELAJAR JUGA DIWAJIBKAN MENGIKUTI KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA SERTA KEUSAHAWANAN KEJURUTERAAN BAGI TUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA YANG BUKAN SAHAJA CEKAP DALAM BIDANG KEJURUTERAAN TETAPI BERKEBOLEHAN UNTUK BERDIKARI,

MEMPUNYAI SIKAP YANG MULIA, TERPUJI DAN MEMPUNYAI KEFAHAMAN KEPADA BUDAYA SEJAGAT YANG BERTERASKAN NILAI, NORMA DAN BUDAYA ASIA YANG BEGITU DEKAT KEPADA AKAR SERTA RUMPUN MASYARAKAT MALAYSIA.

BAGI JUMLAH PEKERJA DI KUKUM PULA SEHINGGA KINI TERDAPAT KIRA-KIRA 300 ORANG PEKERJA IAITU MERANGKUMI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PENSYARAH DAN KUMPULAN SOKONGAN. DARI JUMLAH TERSEBUT, 100 ORANG IALAH KAKITANGAN AKADEMIK DAN DIBANTU OLEH KAKITANGAN SAMBILAN.

WALAUPUN MASIH BARU DI DALAM GELANGGANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM DI NEGARA INI, KUKUM BOLEH MENDABIK DADA DAN BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN YANG TELAH DIKECAPI. ANTARA LAIN KUKUM TELAH MENJALINKAN HUBUNGAN KERJSAMA DENGAN PIHAK SEKTOR INDUSTRI MELALUI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU).

SEHINGGA KE HARI INI KUKUM TELAH MENANDATANGANI SEBANYAK 21 MoU DENGAN SEKTOR INDUSTRI. ANTARA SEKTOR INDUSTRI YANG TELAH MENANDATANGANI MoU TERSEBUT IALAH SILTERRA MALAYSIA SDN BHD, MODENAS SDN BHD, ASTRONAUTIC TECHNOLOGY SDN BHD, PERLIS ESSENTIALS OIL SDN. BHD, PERMINTEX RESEARCH & DEVELOPMENT SDN. BHD. DAN YOKOGAWA KONTROL (MALAYSIA) SDN. BHD.

PUSAT KERJASAMA INDUSTRI (CIC) KUKUM DITUBUHKAN AMAT BERTEPATAN DENGAN MASANYA KERANA KEKURANGAN TENAGA-TENAGA PAKAR KEJURUTERAAN AMAT KETARA SEHINGGA JURUTERA-JURUTERA LUAR TERPAKSA DIIMPORT UNTUK MENGATASI MASALAH KEKURANGAN TERSEBUT. JUSTERU ITU MELALUI PUSAT KERJASAMA INDUSTRI KUKUM INI IA AKAN MENUMPUKAN KEPADA MEMPERKUKUHKAN PENYERTAAN INDUSTRI DALAM AKTIVITI AKADEMIK DI KUKUM.

SEMUA PROGRAM DAN AKTIVITI CIC MENJADI SEBAHAGIAN KURSUS DAN AKTIVITI TERAS KEJURUTERAAN YANG MAMPU MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING JURUTERA YANG BAKAL DIKELUARKAN OLEH KUKUM KELAK. PUSAT INI AKAN MENAWARKAN PELBAGAI KURSUS LATIHAN YANG MELIBATKAN INDUSTRI BAGI PELAJAR-PELAJAR BERMULA TAHUN PERTAMA (INDex), KEMUDIAN DI TAHUN KEDUA (IndEnt) DAN SETERUSNYA InTra DI TAHUN KETIGA. SEBAGAI TAMBAHAN PELAJAR-PELAJAR TAHUN AKHIR AKAN TURUT SERTA DALAM MENYEMPURNAKAN PROJEK REKABENTUK TAHUN AKHIR DENGAN PENGLIBATAN PAKAR INDUSTRI.

TIDAK KETINGGALAN DI DALAM BIDANG AKADEMIK KUKUM JUGA TURUT MENANDATANGANI MoU DENGAN BEBERAPA BUAH UNIVERSITI BAIK DI PERINGKAT TEMPATAN MAHUPUN LUAR NEGARA. HUBUNGAN KERJASAMA INI DIWUJUDKAN BAGI MEMBOLEHKAN PERTUKARAN IDEA, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DAPAT DIJALANKAN BERSAMA UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN ITU SENDIRI.

ANTARA UNIVERSITI TERSEBUT IALAH UNIVERSITI OITA, DANNOHARU, JEPUN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) PULAU PINANG DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR. KUKUM JUGA KINI MASIH LAGI DI DALAM PERINGKAT PERBINCANGAN DENGAN REGIONAL RESEARCH LABORATORY (RRL), BHUBANESWAR, INDIA DAN UNIVERSITAS TRISAKTI, JAKARTA, INDONESIA DAN BEBERAPA BUAH UNIVERSITI LUAR NEGARA LAIN YANG MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA.

BAGI MEMANTAU STRUKTUR DAN KERANGKA PEMBELAJARAN AKADEMIK KUKUM AGAR IA SENTIASA PEKA KEPADA KEHENDAK INDUSTRI DAN BERKUALITI, KUKUM JUGA TELAH MELANTIK PEMERIKSA LUAR, PENASIHAT AKADEMIK, AHLI LEMBAGA PENGAJIAN DAN PAKAR RUNDING MULAI JULAI 2003. MEREKA ANTARA LAIN IALAH PROF. DR. KARL KOHLHOF DARI COLOGNE, JERMAN, SEBAGAI PENASIHAT AKADEMIK, PROF. MASNORI SUGISAKA DARI UNIVERSITY OITA, JEPUN, PROF. DR. KASMIRAN JUMARI, PENGARAH PUSAT KOMPUTER, PROF. DR. BURHANUDDIN YEOP MAJLIS, PENGARAH INSTITUTE OF MICROENGINEERING AND NANOELECTRONIC DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) BANGI SEBAGAI PEMERIKSA LUAR DAN BEBERAPA ORANG WAKIL DARI INDUSTRI SENDIRI SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGAJIAN KUKUM.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA MALAM INI, SAYA DENGAN PENUH KEIKHLASAN SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SELURUH TETAMU YANG TELAH SUDI HADIR KE MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DI HOTEL PUTRA PALACE INI. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN DIF-DIF KEHORMAT, TAN SRI-TAN SRI, PUAN SRI-PUAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA AMAT BESAR ERTINYA KEPADA KAMI DI KUKUM INI. SUDI-SUDIKAN LAH MENJAMU SELERA.



ANAK MERAK KAMPUNG CINA  
SINGGAH BERHENTI KEPALA TITI  
EMAS PERAK KEBESARAN DUNIA  
BUDI BAHASA TAK DAPAT DICARI

BANYAK UBI PERKARA UBI  
UBI KELEDEK DITANAM ORANG  
BANYAK BUDI PERKARA BUDI  
BUDI BAIK DIKENANG ORANG

AMPUN TUANKU,

PATIK SEKALI LAGI INGIN MENJUNJUNG KURNIA DI ATAS PENGANUGERAHAN PINGAT DARJAH PANGLIMA SIRAJUDDIN JAMALULLAIL (DPSJ) KEPADA PATIK BERSEMPENA DENGAN HARI KEPUTERAAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA PADA 21 MEI LALU. SESUNGGUHNYA PENGURNIAAN PINGAT TERSEBUT MERUPAKAN SATU PENGHORMATAN YANG AMAT TINGGI KEPADA SELURUH WARGA KUKUM. SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK, AKHIR KATA PATIK MEWAKILI SELURUH WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG, TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL DAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG, TUANKU FAUZIAH BINTI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RASHID KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS SANTAPAN INI.

PATIK JUGA SEKALI LAGI INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU CANSELOR, TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL DAN DULI YANG TERAMAT MULIA, RAJA PUAN MUDA PERLIS, TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS SANTAPAN BERSAMA AYAHANDA DAN BONDA TERCINTA BAGI MERAYAI PERMASYHURAN TUANKU SEBAGAI CANSELOR KUKUM YANG PERTAMA.

PATIK SUDAHI DENGAN LAFAZ WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.

